

Penggunaan Nearpod Untuk Meningkatkan Minat dan Pelibatan Pelajar dalam Pembelajaran Bahasa

Memymiswati Chokri

memymiswati_chokri@moe.edu.sg

Nur Afiqah Mokhtar Kamarudin


nur_afiqah_mokhtar_kamarudin@moe.edu.sg

Sekolah Menengah Woodlands Ring

Abstrak

Kajian ini meneliti keberkesanan pengajaran menggunakan peralatan dan perisian ICT dalam meningkatkan minat para pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu. Kajian ini memberi fokus kepada 32 orang pelajar Menengah 1 Ekspres atas dasar profil pelajar yang kurang responsif terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu. Lantaran itu, guru-guru Sekolah Menengah Woodlands Ring melaksanakan penyelidikan untuk memahami keperluan pembelajaran pelajar. Daripada dapatan yang diperolehi, guru-guru membina empat pakej pengajaran dengan menggunakan aplikasi *Nearpod* untuk meningkatkan pelibatan pelajar dalam pembelajaran Bahasa Melayu, sekali gus meningkatkan minat mereka untuk mempelajari mata pelajaran tersebut. *Nearpod* bermanfaat dalam menarik minat para pelajar mempelajari Bahasa Melayu.

Kata Kunci: aplikasi *Nearpod*, meningkatkan minat, penglibatan, kolaborasi



PENGENALAN

“Let me share the broad directions I have set for our schools to better prepare our children for the future. First, we must nurture the joy of learning in our children. This intrinsic motivation will drive them forward to explore and discover their interests and passions.”

Ucapan Menteri Pendidikan (Sekolah) Encik Ng Chee Meng, 7 Mac 2017

Memupuk keseronokan dalam proses pembelajaran harus diberikan keutamaan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini memangkinkan motivasi dalaman bagi pelajar untuk terus mengkaji dan mendalami ilmu yang dipelajari. Lantaran itu, guru-guru Bahasa Melayu perlu meningkatkan kemahiran mengajar dengan menggunakan bahan-bahan ICT untuk memancing hati para pelajar supaya meminati mata pelajaran Bahasa Melayu.

Nearpod merupakan satu wadah bagi guru meningkatkan pelibatan pelajar dalam pembelajaran Bahasa Melayu di dalam kelas. Melalui pelibatan aktif para pelajar, persepsi mereka terhadap mata pelajaran Bahasa Melayu dapat diubah ke arah yang lebih positif.


PERNYATAAN MASALAH

Kekurangan minat yang mendalam untuk mempelajari Bahasa Melayu telah menjejaskan pembelajaran dan pemahaman pelajar terhadap pengajaran yang diadakan di dalam kelas. Sering kali, guru-guru mendapati bahawa para pelajar tidak melibatkan diri secara aktif semasa pengajaran dan pembelajaran dijalankan.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:

1. meningkatkan minat para pelajar mempelajari Bahasa Melayu dengan penggunaan bahan-bahan ICT; dan
2. menggalakkan pembelajaran kolaboratif dan interaktif.



KAJIAN LEPAS

Sutch (2009) telah membuat kajian mengenai penggunaan ICT dalam mempelajari bahasa di peringkat sekolah rendah dengan menggunakan perisian *WordRoot* dan *Powerpoint* bagi pelajaran ejaan. Kajiannya menunjukkan tiga aspek penting tentang penggunaan ICT dalam pembelajaran di dalam kelas. Pertama, para pelajar dapat menggunakan pengalaman menggunakan ICT dalam kehidupan seharian. Kedua, penggunaan ICT dapat membantu pelajar membina pengetahuan baharu. Ketiga, penggunaan ICT di dalam kelas membolehkan para pelajar dan guru untuk belajar secara kolaboratif menerusi aktiviti perbincangan di dalam kelas.

Menurut Cabrol dan Severin (2011), salah satu impak menggunakan ICT di dalam bilik darjah ialah peningkatan penglibatan pelajar. Ini kerana penggunaan ICT membuat pelajar lebih bersemangat dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

KAEDAH KAJIAN


Kajian ini menggunakan gabungan pendekatan kuantitatif dan kualitatif bagi mengkaji minat para pelajar serta pelibatan mereka dalam mempelajari Bahasa Melayu di dalam bilik darjah.

Subjek Kajian

Subjek kajian terdiri daripada 32 orang pelajar Menengah 1 Ekspres yang mengambil mata pelajaran Bahasa Melayu.

Instrumen Kajian

Beberapa instrumen kajian telah digunakan dalam kajian ini. Borang soal selidik prapengajaran dan pascapengajaran digunakan dengan tujuan mengumpulkan data tentang minat dan penglibatan pelajar dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Selain itu, pemerhatian guru terhadap sikap dan penerimaan pelajar turut diambil kira. Guru telah memantau sikap pelajar semasa mereka melakukan tugas berpasangan dan berkumpulan.



Prosedur Kajian

Sebelum pengajaran berasaskan *Nearpod* dijalankan, para pelajar diminta mengisikan borang selidik prapengajaran menerusi *Google Forms*. Melalui analisis data yang dikumpulkan, guru merancang pengajaran-pengajaran yang bakal dijalankan di dalam kelas dengan menggunakan *Nearpod*.


Terdapat empat pengajaran yang dijalankan di dalam kelas dengan menggunakan aplikasi *Nearpod*. Setiap pelajar diberikan kesempatan untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti secara berpasangan dan berkumpul. Dua pengajaran dikhususkan untuk aspek kemahiran lisan, yakni komponen bacaan dan perbualan berdasarkan topik manakala dua lagi pengajaran dikhususkan untuk penulisan karangan deskriptif.

Pelajaran 1

Bagi pelajaran 1, komponen perbualan berdasarkan topik diberikan fokus di dalam kelas. Bagi pelajaran ini, pelajar bekerjasama dengan pasangan masing-masing. Guru menayangkan sebuah klip video mengenai aktiviti membeli-belah di dalam talian dan menghentikan video itu untuk menunjukkan paparan seorang pemuda yang memberikan bungkusan kepada seorang wanita.

Kemudian guru meminta pelajar untuk berbincang dengan pasangan mereka dan memikirkan apa yang akan berlaku selepas itu. Setiap pasangan menaipkan respons mereka melalui perisian '*Collaborate*'. Respons-respons mereka dipancarkan di skrin di dalam kelas. Ini membolehkan pelajar membaca respons pasangan-pasangan lain dan membolehkan guru berbincang dengan pelajar tentang pandangan mereka.

Setelah itu, guru menayangkan video yang sama dan menunjukkan babak terakhir untuk melihat sama ada ramalan para pelajar tepat. Setiap pasangan diminta memikirkan satu pengajaran yang boleh diraih melalui klip video yang telah ditayangkan dan memikirkan apa yang akan berlaku kepada mereka seandainya perkara yang sama berlaku terhadap diri mereka.



Pelajaran 2

Pelajaran 2 pula memfokuskan komponen bacaan lantang dalam pengajaran lisan. Guru memainkan tiga klip audio bacaan oleh tiga individu yang berbeza. Setiap pasangan perlu berbincang dan membuat pilihan sama ada pembaca pertama, kedua ataupun ketiga mempunyai hasil bacaan yang terbaik melalui perisian 'Poll'. Guru meminta beberapa pasangan mengongsikan sebab-sebab mereka membuat pilihan sedemikian.

Guru meminta pelajar dan pasangan mereka untuk memikirkan ciri-ciri bacaan yang baik dan menaipkan jawapan mereka melalui perisian 'Collaborate'. Apabila para pelajar sudah tahu tentang ciri-ciri bacaan yang baik, secara bergiliran setiap pelajar akan membaca petikan tertentu untuk dinilai pasangan mereka.


Pelajaran 3

Guru memulakan pelajaran dengan meminta seorang pelajar untuk memberikan penerangan mengenai objek yang terselindung di sebalik sebuah bekas. Pelajar itu boleh menyentuh, mendengar, merasa dan menghidu objek itu untuk memberikan penerangan yang lebih terperinci. Pada waktu yang sama, para pelajar yang lain perlu meneka apakah objek itu berdasarkan penerangan teman mereka. Aktiviti ini merangsang minat para pelajar untuk mengetahui apakah pengajaran pada hari itu.

Guru telah menerangkan kepada pelajar tentang kepentingan deria dalam penulisan karangan deskriptif. Secara berkumpulan, para pelajar perlu menjawab beberapa soalan menerusi *Nearpod*. Aktiviti yang dijalankan juga memerlukan pelajar menggunakan pena berlainan warna untuk mengenal pasti ayat manakah yang menunjukkan deria dengar, lihat, hidu, rasa dan sentuh. Guru memilih kumpulan-kumpulan secara rambang untuk mengongsikan jawapan mereka dengan rakan sekelas yang lain.

Pelajaran 4

Guru menjalankan pengajaran tentang konsep 'gambarkan' yang digunakan dalam karangan jenis deskriptif. Aktiviti pertama memerlukan setiap pelajar melukiskan apa yang dibayangkan oleh mereka berdasarkan petikan yang dibacakan guru. Melalui aktiviti ini, mereka diberitahu bahawa penggunaan frasa-frasa yang tepat



mampu membuat pembaca menggambarkan suatu situasi.

Aktiviti kedua pula meminta pelajar berbincang bersama kumpulan mereka untuk menghasilkan satu frasa berdasarkan imej emosi-emosi pelaku yang dipaparkan dalam gambar yang guru tunjukkan. Aktiviti ketiga pula memerlukan setiap kumpulan untuk menggambarkan pengalaman dan perasaan mereka jika mereka berada di dalam gambar yang ditayangkan, iaitu gambar perbarisan Hari Kebangsaan, dalam bentuk ayat. Aktiviti yang terakhir pula memerlukan setiap kumpulan untuk memberikan seberapa banyak frasa yang berkenaan dengan deria-deria yang tertentu berdasarkan gambar sebuah kebakaran.


Melalui aktiviti-aktiviti ini, didapati bahawa sesi perbincangan bukan sahaja membolehkan para pelajar menghasilkan frasa-frasa yang tepat bagi tugas yang diberikan, malah, pelajar menggunakan sesi tersebut untuk meleraikan sebarang kekeliruan yang dihadapi semasa dalam proses pembelajaran. Sebagai tugas rumah, mereka perlu menghasilkan satu perenggan untuk menggambarkan pengalaman serta perasaan mereka berdasarkan gambar yang sama dan soalan yang diberikan guru.

Setelah keempat-empat pengajaran dilaksanakan di dalam kelas, para pelajar diminta untuk mengisikan borang soal selidik pascapengajaran melalui *Google Forms*. Data yang dikumpulkan turut dianalisis secara terperinci oleh guru. Guru turut membandingkan kedua-dua data yang dikumpulkan secara kuantitatif dan kualitatif untuk melihat sama ada terdapat perubahan dalam minat dan pelibatan pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu setelah *Nearpod* digunakan dalam pelajaran di dalam kelas.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN


Dapatan Kuantitatif

Berdasarkan data yang dikumpulkan melalui borang soal selidik prapengajaran, guru mendapati bahawa terdapat 19% pelajar Menengah 1 Ekspres tidak gemar untuk mengikuti kelas Bahasa Melayu. Tambahan lagi, 47% pelajar akan berpuas hati dengan keputusan peperiksaan Bahasa Melayu walaupun markah yang diraih itu kurang cemerlang. Selain daripada itu, 44% pelajar berpendapat bahawa mereka tidak mengulang kaji Bahasa Melayu secara konsisten. Secara keseluruhannya, para pelajar menyatakan bahawa mereka akan lebih terlibat




dalam pembelajaran di dalam kelas apabila mereka berpeluang bekerja secara berpasangan (87%) mahupun berkumpulan (94%). Hasil dapatan ini dapat dilihat melalui Rajah 1.

Rajah 1: Respons Pelajar (Prapengajaran)




Berdasarkan pemerhatian guru dan respons pelajar di dalam kelas semasa pengajaran menggunakan *Nearpod* dijalankan, didapati bahawa pelajar lebih aktif dalam menyampaikan pendapat dan sesi perbincangan yang diadakan sama ada bersama berpasangan, berkumpulan mahupun bersama kelas. Para pelajar juga mampu melaksanakan aktiviti-aktiviti yang dijalankan di dalam kelas dengan baik.

Setelah keempat-empat pelajaran yang menggunakan wadah *Nearpod* dijalankan, para pelajar sekali lagi diminta untuk mengisi borang soal selidik pascapengajaran menerusi *Google Forms*. Berdasarkan data pascapengajaran yang diraih, guru membuat perbandingan dengan data prapengajaran. Melalui perbandingan data yang dijalankan, kini didapati bahawa semua pelajar Menengah 1 Ekspres gemar untuk ke kelas Bahasa Melayu. Selain itu, 41% pelajar akan berpuas hati dengan keputusan peperiksaan Bahasa Melayu walaupun markah yang diraih itu kurang cemerlang berbanding dengan 47% sebelum ini. Terdapat penurunan sebanyak 10% bagi pelajar yang tidak mengulangkaji Bahasa Melayu secara konsisten. Kini, hanya 34% pelajar sahaja yang tidak menelaah Bahasa Melayu secara kerap. Terdapat juga peningkatan dari segi jumlah peratusan pelajar yang menyatakan bahawa mereka akan lebih terlibat dalam kegiatan pembelajaran di dalam kelas apabila mereka berpeluang bekerja secara



berpasangan, iaitu daripada 87% kepada 91%. Juga, semua pelajar berpendapat bahawa mereka akan lebih terlibat dalam pembelajaran di dalam kelas apabila diberikan kesempatan untuk bekerja secara berkumpulan, dengan peningkatan daripada 94% kepada 100%. Hasil dapatan ini dapat dilihat melalui Rajah 2.




Lantas, melalui analisis kuantitatif ini, dapat dilihat bahawa terdapat

peningkatan dari segi minat dan pelibatan pelajar di dalam kelas Bahasa Melayu apabila aplikasi *Nearpod* digunakan dalam pengajaran. Wadah *Nearpod* memberi ruang kepada pelajar untuk belajar secara interaktif dan kolaboratif. Para pelajar perlu berbincang dengan pasangan mahupun kumpulan mereka untuk menyelesaikan tugas dan aktiviti yang dijalankan bersama-sama. Sesi perbincangan serta maklum balas bersama guru juga membolehkan guru dan pelajar untuk berinteraksi secara dua hala dan ini membuat pengajaran lebih efektif. Dengan itu, jelaslah bahawa penggunaan aplikasi *Nearpod* dalam pengajaran berhasil meningkatkan minat serta pelibatan para pelajar di dalam kelas ketika mereka mempelajari aspek-aspek bahasa Melayu.

Dapatan Kualitatif

Selain daripada data kuantitatif, borang soal selidik juga mengandungi tiga soalan yang membolehkan pengkaji memperolehi data kualitatif. Soalan-soalan tersebut ditanyakan dalam borang soal selidik prapengajaran serta pascapengajaran. Tujuannya adalah untuk melihat sekiranya terdapat perubahan sikap terhadap persepsi pelajar terhadap pembelajaran Bahasa Melayu di dalam kelas sebelum




dan selepas pengajaran menggunakan aplikasi *Nearpod* dijalankan. Dapatan yang diperolehi amat menarik. Soalan-soalan yang ditanyakan adalah seperti berikut:

1. Apakah yang boleh dilakukan oleh guru untuk menjadikan pengajaran lebih menarik?
2. Saya gemar mempelajari Bahasa Melayu kerana ...
3. Saya tidak gemar mempelajari Bahasa Melayu kerana ...

Bagi soalan pertama, data kualitatif menunjukkan bahawa terdapat peningkatan terhadap respons pelajar yang menginginkan agar aktiviti berpasangan/berkumpulan serta penggunaan teknologi maklumat dalam pengajaran. Ini menunjukkan bahawa mereka suka berkolaborasi dengan rakan-rakan semasa sedang belajar dan mendapati pengajaran yang menggunakan teknologi maklumat lebih menarik perhatian mereka. Satu lagi perkara yang menarik adalah dalam data prapengajaran, para pelajar menginginkan lebih banyak permainan dan kuiz dijalankan tetapi dalam dapatan pascapengajaran, bilangan pelajar yang menginginkan perkara yang sama berkurangan. Ini menunjukkan bahawa penggunaan aplikasi *Nearpod* telah memenuhi keperluan sebahagian pelajar yang suka bersaing dengan rakan sebaya menerusi permainan dan kuiz.

Bagi soalan kedua, data kualitatif menunjukkan bahawa secara keseluruhan, para pelajar memberikan faktor-faktor yang serupa tentang mengapa mereka gemar mempelajari Bahasa Melayu dalam respons mereka bagi prapengajaran dan pospengajaran. Namun, terdapat sedikit perubahan kepada sikap sebahagian daripada mereka bagi soalan ini melalui respons yang diberikan. Faktor-faktor lain yang diberikan dalam pospengajaran ialah Bahasa Melayu penting bagi masa hadapan saya, saya bangga dengan budaya saya, saya dapat mempelajari dan menggunakan Bahasa Melayu dengan lebih mendalam, saya dapat mengenali budaya saya dan terdapat banyak perkara baharu yang saya pelajari tentang Bahasa Melayu yang saya anggap menarik. Perubahan persepsi pelajar-pelajar ini dilihat sebagai sesuatu perkembangan yang positif, iaitu meningkatnya minat mereka untuk mempelajari bahasa Melayu. Oleh yang demikian, dapat dirumuskan bahawa salah satu tujuan kajian ini telah tercapai.

Bagi soalan ketiga, dapatan data kualitatif juga mendapati bahawa respons yang diberikan oleh para pelajar bagi prapengajaran dan pascapengajaran adalah serupa. Bagi pelajar yang tidak gemar mempelajari bahasa Melayu, sebab-



sebab yang diberikan ialah mereka menghadapi kepayahan untuk memahami apa yang diajarkan kerana mendapati pengajaran atau aktiviti yang dijalankan amat mencabar. Sebahagian daripada mereka berasa diri mereka kurang mahir menggunakan bahasa Melayu dan kerana itu mereka menghadapi masalah semasa mempelajarinya.

Namun, dalam data pascapengajaran, bilangan pelajar yang menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai masalah mempelajari bahasa Melayu berkurangan. Kini, terdapat pelajar yang berpandangan bahawa aktiviti-aktiviti yang dijalankan semasa pengajaran Bahasa Melayu semakin menyeronokkan dan mencabar. Kemungkinan besar, para pelajar belum terbiasa dengan pengajaran berasaskan ICT yang memberi mereka lebih banyak peluang untuk berkolaborasi secara aktif dengan rakan-rakan mereka. Dengan membuka peluang yang luas kepada para pelajar untuk berkolaborasi menerusi pengajaran ICT, kebiasaan untuk berkolaborasi itu dapat dipupuk.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, penggunaan aplikasi *Nearpod* didapati berkesan dalam membantu para pelajar meningkatkan minat serta pelibatan mereka dalam mempelajari bahasa Melayu di dalam bilik darjah. Menerusi wadah ini, pelajar berpeluang berinteraksi dengan pelajar-pelajar lain untuk melaksanakan suatu tugas secara kolaborasi. Secara tidak langsung, apabila para pelajar gemar dengan pengajaran yang dijalankan di dalam kelas, mereka akan lebih terbuka dan memperoleh keseronokan dalam mempelajari sesuatu yang baharu.

Namun begitu, guru harus sentiasa mahir merancang pengajaran dengan mengadakan aktiviti-aktiviti dan tugas-tugas yang menarik yang sekaligus menyediakan ruang bagi pelajar untuk menyampaikan respons, menyatakan pendapat dan pemikiran mereka. Justeru, pengajaran yang menggunakan aplikasi *Nearpod* bukan sahaja mampu meningkatkan minat dan pelibatan pelajar, malah dapat mengukuhkan lagi pengetahuan serta penguasaan mereka dalam pelajaran Bahasa Melayu.

RUJUKAN

Sutch D. (2009). *Integrating ICT in teaching and learning*. London & New York: Routledge, Taylor & Francis Group



Cabro M., Servin E. (2011). *ICT to improve quality in education - A conceptual framework and indicators in the use of information communication technology for education (ICT4E)*. Paris: Dictus Publishing.

